



قَرَاهَاتُ أَنْ قَرَاهَاتُ صَبَدُ نَكْرِي قَوْلُ قِينِثُ ١٥٥ (١٣/٤)

PERSATUAN QARYAH-QARYAH MASJID NEGERI PULAU PINANG

21 Syaaban 1438
18 Mei 2017



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg Tan Sri/YBhg Puan Sri/YBhg Dato'/YBhg Datin/Tuan/Puan

RAYUAN TABUNG DANA AMAL JARIAH

Dengan hormat dan takzimnya saya memaklumkan bahawa Persatuan Qaryah-Qaryah Masjid Negeri Pulau Pinang (PQQMNPP) dalam usaha bagi membantu dan menolong sesama umat Islam khususnya kepada umat Islam yang miskin dan daif telah mengambil keputusan dalam Mesyuarat Agung Khas Persatuan untuk menubuhkan satu Tabung yang dikenali sebagai "**TABUNG DANA AMAL JARIAH**" bagi mengumpul dana untuk pembangunan masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang.

Tujuan utama penubuhan **Tabung Dana Amal Jariah** ini ialah untuk mengadakan rancangan-rancangan ke arah pembangunan umat Islam Negeri Pulau Pinang. Fokus utama cadangan Persatuan ini ialah menerusi **Tabung Dana Amal Jariah** ini usaha-usaha dan iktiar-iktiar akan ditumpukan untuk membeli dan memiliki tanah-tanah dengan mengujudkan **Bank Tanah orang-orang Islam (tanah wakaf)** dan untuk membeli serta memiliki harta alih dan tak alih bagi membantu umat Islam yang miskin dan daif serta mengadakan aktiviti-aktiviti yang berteraskan Agama Islam untuk **pembangunan ekonomi dan penyatuan Ummah**.

Sempena Bulan Ramadhan Almubarak yang penuh barakah, saya bagi pihak Jawatankuasa Persatuan Qaryah-Qaryah Masjid Negeri Pulau Pinang memohon kepada YBhg Tan Sri/YBhg Puan Sri/YBhg Dato'/YBhg Datin/Tuan/Puan atas nama individu ataupun menerusi Syarikat miliki YBhg Tan Sri/YBhg Puan Sri/YBhg Dato'/YBhg Datin/Tuan/Puan untuk menderma dengan ikhlasnya kepada **Tabung Dana Amal Jariah** ini.

"PENYATUAN KE ARAH KEJAYAAN UMMAH"

Derma kepada **Tabung Dana Amal Jariah** ini boleh dikirimkan ke alamat Persatuan ini seperti diatas. Cek-cek atau wang pos hendaklah dipalang dan ditulis atas nama **Tabung Dana Amal Jariah, Akaun No: 557063317723 (Akaun Mudarabah – Malayan Banking Berhad)**.

Bersama-sama ini dikirimkan Kad Derma kepada **Tabung Dana Amal Jariah** ini untuk dipenuhi dan dipinta supaya Kad Derma ini dihantar balik ke Urusetia Persatuan seperti alamat yang tersebut diatas.

Semua sumbangan derma yang dihantarkan ke **Tabung Dana Amal Jariah** akan dikeluarkan resit resmi PQQMNP dan dikecualikan dari Cukai Pendapatan mengikut Kebenaran No. (LHDN 01/35/42/51/179-6.6031) Tarikh Kuatkuasa: 01 Mei 2011, No. Warta Kerajaan: 17764, Tarikh Warta Kerajaan: 4 Julai 2011.

Untuk makluman bahawa kedudukan kewangan **Tabung Dana Amal Jariah** setakat 30 April 2017 ialah sebanyak **RM445,880.91** iaitu dalam **Akaun No: 557063317723 (Akaun Mudarabah – Malayan Banking Berhad)** sebanyak **RM114,836.08** dan simpanan dalam **Akaun I.T.A. di Amanah Raya Berhad** sebanyak **RM331,044.83**.

Maka besarlah harapan Persatuan ini diatas sumbangan ikhlas YBhg Tan Sri/YBhg Puan Sri/YBhg Dato'/YBhg Datin/Tuan/Puan untuk menderma kepada **Tabung Dana Amal Jariah** yang diusahakan oleh Persatuan ini sebagai suatu usaha Amal Murni, Insya Allah, kita dapat bersama-sama meraih rahmat dan keredohan Allah S.W.T. serta mendapat ganjaran pahala yang setimpal dengannya di dunia dan di akhirat, Insya Allah.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

"JAZAKALLAH KHIRAN KATHIRA"

Yang ikhlas



(Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Yussof Latiff)
Yang Di Pertua
Persatuan Qaryah-Qaryah Masjid Negeri Pulau Pinang



Yang Di Pertua Dan Ahli-Ahli Jawatankuasa

قَرْنِيَاتُؤَانُ قَرْمِيَةً صَجْدُ نَكْرِي قَوْلُؤُفِيْنَع

**PERSATUAN QARYAH-QARYAH MASJID
NEGERI PULAU PINANG**

Mengucapkan

Selamat Menyambut Ramadhan Al Mubarak

1438(H) / 2017 (M)

&

Selamat Hari Raya Aidil Fitri

"PENYATUAN KE ARAH KEJAYAAN UMMAH"

Pemegang Amanah
Tabung Dana Amal Jariah
Persatuan Qaryah-Qaryah Masjid
Negeri Pulau Pinang
No. 60, Jalan PEMENANG,
10250 Pulau Pinang
Tel : 04-227 3092 Fax : 04-228 3937

Nº 0548

Tarikh :

Dikirimkan Cek No. RM.....

Wang Pos RM.....

Derma untuk Tabung Dana Amal Jariah Persatuan Qaryah-Qaryah Masjid
Negeri Pulau Pinang

Nama Penderma :

Alamat Penderma :

..... Poskod

Sila isikan Nama dan Alamat dengan terang